

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH : 19 MEI 2016
SOALAN :

YB Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis kajian dan penyelidikan telah dilaksanakan setakat ini bagi mengatasi virus zika dan berapakah jumlah kes yang telah direkodkan pada suku pertama 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Unit Virologi, Institut Penyelidikan Perubatan sedang menjalankan kajian surveilan mengetahui tahap penularan virus zika di Malaysia serta menentukan samada kes microcephaly di Malaysia mempunyai kaitan dengan virus zika. Setakat ini, sepanjang tempoh kajian yang bermula dari Februari 2016, tiada kes penyakit zika di Malaysia serta tiada kes microcephaly yang mempunyai kaitan dengan virus zika.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga awal bulan Mei 2016, tiada kes Zika yang dilaporkan di negara ini. Ini berdasarkan hasil pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terhadap kes-kes yang mengalami tanda-tanda seperti jangkitan virus Zika yang mana telah dilakukan ujian darah di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Sejumlah 465 ujian sampel darah yang telah dilaksanakan bermula dari Jun 2015 sehingga 27 April 2016 dan semua keputusannya adalah negatif untuk virus Zika.